**KUMPULAN RISDA HOLDINGS**

# ‘STANDARD OPERATING PROCEDURE’ (SOP) PELABURAN

**TUJUAN:**

SOP ini menerangkan prosedur **Jawatankuasa Pelaburan**. Prosedur ini perlu digunakan dalam Pelaksanaan setiap aktiviti Pelaburan samada menggunakan modal dari dalaman Kumpulan RISDA Holdings (KRH) dan luaran untuk tujuan:

i. Projek/ Perniagaan baru
ii. Pembelian aset tanah/ bangunan/ jentera
iii. Pembelian pemilikan syarikat / syer syarikat

**SKOP:**

Prosedur ini digunapakai di RISDA HOLDINGS SDN. BHD (RHSB) dan semua anak syarikat Kumpulan RISDA Holdings (KRH).

**RUJUKAN:**

1. LOE RISDA kepada RHSB berkaitan fungsi Korporat.
2. Keputusan Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah kali 43 Khas Bil.1/2021.
3. Arahan Pentadbiran Bil.8 tahun 2021.

**PIHAK YANG BERTANGGUNGJAWAB**

Ahli Lembaga Pengarah (ALP), Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan (KPEK), Ketua Pegawai Eksekutif (KPE), Ketua Eksekutif (KE), Ketua Pegawai Operasi (KPO), Pengurus Besar (PB) dan Ketua Jabatan KRH (KJ).

**PROSEDUR:**

| BIL. | TANGGUNG JAWAB | PROSES KERJA | RUJUKAN/ BORANG |
|---|---|---|---|
| 1. | RHSB | • Pembentangan daripada pihak luar kepada Jawatankuasa Penilaian Projek Baru. | TOR & SOP Jawatankuasa Penilaian Projek Baru |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | • Mengenalpasti dan menetapkan RHSB / KRH yang sesuai untuk menerima cadangan serta menyediakan kajian awal. | |
| 2. | KRH / RHSB | • Menerima cadangan projek/ pelaburan.<br><br>• Menyediakan Kajian Asas (*desktop study*) / Kajian Wajaran (*due diligence*) dan menyediakan kertas kerja.<br><br>**<u>Kajian Wajaran (*Due Diligence*)</u>**<br>**I. Latar Belakang Syarikat**<br>Daftar syarikat, lesen perniagaan, bentuk tawaran peluang urusniaga, prestasi kewangan syarikat, pengalaman kerja berkaitan mengikut keperluan dan apa-apa kelemahan.<br><br>**II. Analisa Kewangan**<br>a. Membuat unjuran aliran tunai pelaburan termasuk anggaran nilai akhir pelaburan. Setiap cadangan pelaburan memerlukan unjuran aliran tunai untuk tidak kurang dari “payback period”.<br>b. Anggaran kos modal yang diperlukan telah diambil kira berdasarkan kebarangkalian risiko unjuran tunai .<br>c. Menganalisa risiko kewangan berdasarkan *Stress Test Method.*<br>d. Mengambil kira “internal rate of Return” (IRR), Return on investment” (ROI), “Payback Period “ dan Net Present Value (NPV). | |

| | | | |
| --- | --- | --- | --- |
| | | **III. Kajian Pasaran**<br>a. Permintaan pasaran, persaingan sedia ada, kos pelaksanaan, keupayaan dalaman syarikat, risiko peraturan. | |
| 3. | KRH / RHSB | • Permohonan semakan kertas kerja cadangan projek baru menggunakan sistem eLaws | Rujuk manual penggunaan sistem eLaws |
| 4. | JPPK & PUU RHSB | • Menjalankan semakan kertas kerja dan dokumen mengikut senarai semak yang diperlukan.<br>• JPPK akan menganalisa Kajian Wajaran (*due diligence*) yang disediakan dan mendapatkan pandangan perundangan daripada Pegawai Undang – Undang RHSB.<br><br>KEPUTUSAN<br><br>➢ **LULUS – PERKARA 5** & JPPK akan menyediakan surat sokongan pelaksanaan projek baru.<br>➢ **TIDAK LULUS – PERKARA 2**<br>i. Semakan semula oleh KRH atau;<br>ii. Tamat Prosedur & JPPK akan menyediakan surat penolakan pelaksanaan projek ini.<br><br>Nota : Keputusan akan dimuatnaik ke dalam sistem eLaws | Rujuk manual penggunaan sistem eLaws |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 5. | JPPK RHSB | ➢ KRH yang terlibat membuat pembentangan cadangan projek baru kepada Jawatankuasa Teknikal Pelaburan.<br><br>➢ ***LULUS – PERKARA 6***<br>➢ ***TIDAK LULUS – PERKARA 2*** | |
| 6. | JPPK RHSB | • KRH yang terlibat hendaklah menghantar kertas kerja yang lengkap tujuh (7) hari sebelum Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan diadakan. Pihak urusetia berhak untuk tidak membawa cadangan kertas kerja ke Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan jika tidak memenuhi syarat yang ditetapkan.<br>• Mengumpul dan memasukkan kertas kerja ke dalam *folder* Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan.<br>• Melampirkan minit / keputusan Jawatankuasa Pengurusan Risiko. | RHSB |
| 7. | KRH / RHSB | • Membentang cadangan projek / pelaburan kepada Jawatankuasa Pelaburan RHSB bagi diperakukan.<br>➢ ***LULUS – PERKARA 8***<br>➢ ***TIDAK LULUS – PERKARA 2*** | RHSB |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 8. | KRH / RHSB | • KRH / RHSB akan membentangkan untuk memohon kelulusan Ahli Lembaga Pengarah KRH / RHSB berkaitan.<br>➢ ***LULUS – PERKARA 9 (Melibatkan tanah / aset RISDA) / PERKARA 10 (Tidak melibatkan tanah / aset RISDA)***<br>➢ ***TIDAK LULUS – TAMAT PROSEDUR*** | KRH / RHSB |
| 9. | KRH / RHSB | • Bagi pelaburan yang melibatkan tanah / aset RISDA, kertas kerja dihantar ke RISDA untuk memohon kelulusan.<br>➢ ***LULUS – PERKARA 10***<br>➢ ***TIDAK LULUS – TAMAT PROSEDUR*** | |
| 9. | KRH / RHSB | • Bagi pelaburan yang tidak melibatkan tanah / aset RISDA, mohon bagi penyediaan perjanjian sepertimana keputusan mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah KRH dalam sistem eLaws. **(PERKARA 10).** | |
| 10. | PUU RHSB | • Menyediakan perjanjian projek dan dimuatnaik di dalam sistem eLaws untuk rujukan dan tindakan selanjutnya. | RHSB |
| 11. | KRH / RHSB | • Pelaksanaan projek dan penyediaan laporan status untuk pemantauan. | RHSB |

**ASPEK PENTING:**

1. Pihak KRH adalah tidak dibenarkan membuat sebarang komitmen bertulis termasuk surat niat kepada pihak luar selagi proses kelulusan belum diterima secara RASMI daripada pihak pengurusan RISDA Holdings.
2. Perniagaan baru yang dicadangkan mestilah tidak mengganggu aliran tunai operasi sedia ada dan telah mengambilkira suntikan modal jika diperlukan.
3. Sekiranya tawaran melibatkan penjualan aset, proses jualan tidak mengikat sebarang liabiliti yang ditanggung pihak pembeli.
4. Setiap dokumen perjanjian mestilah dimuatnaik menerusi Sistem eLaws. Kuasa menandatangani dokumen perjanjian hendaklah diperakukan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah masing-masing.

**KEKERAPAN:**

Empat (4) kali setahun.

# CARTA ALIR JAWATANKUASA PELABURAN

